

01/07/1998

Agong utus tahniah kepada Kanada

KUALA LUMPUR, Selasa - Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutus ucapan tahniah kepada Gabenor Jeneral Kanada Le Blanc sempena Hari Kanada hari ini.

Dalam perutusan itu, Seri Paduka berharap rakyat Kanada akan terus menikmati kemajuan dan kemakmuran.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengutus ucapan tahniah kepada rakan sejawatannya Jean Chretien, berkata beliau yakin rakyat Kanada akan terus mengecapi kejayaan.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia telah mendapat banyak faedah daripada kerjasama yang rapat dengan Kanada.

"Saya berharap hubungan persahabatan dan kerjasama antara kedua-dua negara akan berterusan," katanya.

(END)